

Koperasi UTHM labur beli kolej kediaman

Aset mampu beri pulangan, nilai dijangka meningkat lebih RM400 juta

MUAR - Koperasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Berhad memeterai perjanjian pembiayaan bersama Bank Rakyat untuk pembelian bangunan kolej kediaman membabitkan nilai RM148 juta.

Pengerusi Koperasi UTHM Berhad, Profesor Madya Dr Razali Hassan berkata, pemilikan aset itu mampu memberikan pulangan lumayan terhadap pihak koperasi.

Menurutnya, kolej kediaman itu boleh menempatkan sehingga 50,000 pelajar dan turut dilengkapi kemudahan seperti rumah pengetua, kafeteria, surau dan dewan.

"Anggaran keseluruhan kompleks mengikut nilai semasa adalah melebihi RM200 juta. Namun, apabila tamat tempoh pembiayaan pada 2037, nilai hartanah tersebut akan meningkat kepada lebih RM400 juta. Ini bermakna pada masa sama Koperasi UTHM Berhad akan memiliki aset bernilai ratusan juta.

"Inilah yang menjadi harapan dan impian setiap agensi perniagaan iaitu memiliki aset yang sangat bernilai bagi memajukan masyarakat khususnya kebajikan ahli-ahli koperasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Antara Koperasi UTHM Berhad dan Bank Rakyat serta Perjanjian Penyewaan Antara Koperasi UTHM Berhad dan UTHM di Kafeteria Asrama UTHM Kampus Pagoh, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah; Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly dan Ketua Pegawai Operasi



Razali (kiri) bersama Amiruddin selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Antara Koperasi UTHM Berhad dan Bank Rakyat, kelmarin.

(Perniagaan) Bank Rakyat, Datuk Amirudin Abdul Halim.

Menerusi perjanjian itu, Koperasi UTHM Berhad memperoleh pembiayaan sebanyak RM148 juta daripada Bank Rakyat bagi membeli sebuah kompleks kediaman pelajar berkeluasan 10.52 hektar yang dibangunkan pihak swasta.

Kompleks kediaman terbabit kemudiannya akan disewakan kepada pihak UTHM bagi menempatkan pelajar mereka di kampus baharu universiti itu yang terletak dalam kawasan hab pendidikan di Pagoh.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, semua universiti awam di negara ini disarankan memberi ruang dan peluang kepada koperasi masing-

masing mengendalikan kemudahan atau perniagaan yang terdapat di kampus mereka.

Katanya, ini kerana transaksi potensi persekitaran dalam kampus sangat besar dan ia perlu dikendalikan oleh koperasi mereka yang lebih mengetahui keperluan dan kehendak kakitangan atau pelajar masing-masing.

"Berdasarkan rekod, ternyata koperasi di universiti awam boleh memainkan peranan dalam menyediakan perkhidmatan kepada warga di universiti itu sendiri. Mengapa perlu kita bagi kepada pihak luar untuk menguruskan semua infrastruktur yang ada di universiti ini, sedangkan koperasi mereka sendiri mampu untuk menguruskannya," katanya.